

BULETIN

PATRIOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN



KERAJAAN HARGAI
PETUGAS OP STARLIGHT
II TURKIYE

10,205 WARGA KERJA PERTAHANAN DIRAI DAN TERIMA PENGIKTIRAFAN CEMERLANG TAHUN 2022



KUMPULAN KOR PERKHIDMATAN
TERIMA ANUGERAH PTJ TERBAIK
KESELURUHAN TAHUN 2022

EDISI 1 / 2023

JAN - APR
ISSN: 1511-1849

ISI KANDUNGAN

- 2** ISI KANDUNGAN
-
- 3** EDITORIAL
-
- 4-5** 10,205 WARGA KERJA PERTAHANAN DIRAI DAN TERIMA PENGIKTIRAFAN CEMERLANG TAHUN 2022
-
- 6-7** KERAJAAN HARGAI PETUGAS OP STARLIGHT II TURKIYE
-
- 8-9** LENSA AKTIVITI YB MENTERI PERTAHANAN JANUARI HINGGA APRIL 2023
-
- 10** JELAJAH PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV)
-
- 11** PERASMIAN PUSAT DATA BERSEPADU (PUSPADU) MINDEF
-
- 12** PANGLIMA ANGKATAN TENTERA BERKUNJUNG KE PAMERAN PERTAHANAN ANTARABANGSA DI ABU DHABI
-
- 13** KUMPULAN KOR PERKHIDMATAN TERIMA ANUGERAH PTJ TERBAIK KESELURUHAN TAHUN 2022
-
- 14** PERSEMBAHAN TATU DAN KARNIVAL HARI TERBUKA TENTERA DARAT 2023
-
- 15** SYABAS DAN TAHNIAH PANGLIMA TENTERA DARAT
-
- 16** KEPIMPINAN BAHARU TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
-
- 17** 8 PANJI-PANJI REGIMEN TLDM MENYEMARAKKAN ISTIADAT PERBARISAN HARI ULANG TAHUN (HUT) TLDM KE-89
-
- 18** PESAWAT A400M TUDM KE SYRIA BAGI MISI BANTUAN KEMANUSIAAN
-
- 19** PROGRAM JIWA MURNI SANTUNI KOMUNITI
-
- 20** TINJAUAN KE RUMAH VETERAN YANG TERKESAN AKIBAT BANJIR
-
- 21** - MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH JHEV 2023
- 700 VETERAN ATM DIANUGERAHKAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)
-
- 22** MINDEF TERUS PERKASA PERANAN PERHEBAT: BIMBING BAKAL PESARA DAN VETERAN ATM
-
- 23** KOLABORASI PERHEBAT BERSAMA UPM DAN IRDA, BERI MANFAAT KEPADA VETERAN ATM
-
- 24-25** KAKISAN: KESANNYA KEPADA KESIAGAAN ASET PERTAHANAN NEGARA
-
- 26** MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN KALI KE-40
-
- 27** MAJLIS TADARUS AL-QURAN PERDANA PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN 1444H
-
- 28-29** BICARA PSIKOLOGI: POSITIF TOKSIK
-
- 30** KARNIVAL SEMARAK AL-QURAN PERINGKAT ATM 2023, MEDIUM PERKASA KEROHANIAN WARGA ATM
-
- 31** TAHUKAH ANDA – RASIONAL LOGO MALAYSIA MADANI
-
- 32** IKLAN KOPERASI TENTERA

DARI MEJA EDITOR

MERAIKAN PERBEZAAN DALAM ORGANISASI

Setiap manusia dijadikan berbeza-beza sama ada dari segi fizikal, mahupun personaliti. Perbezaan ini juga telah menjadikan ramai antara kita yang bermusuhan dan berpecah-belah. Perkara ini menyebabkan runtuhnya sebuah keluarga, organisasi, masyarakat, bahkan sebuah negara.

Mengapa permusuhan ini berlaku? Sedangkan telah ternyata di dalam Al-Quran, Surah Al-Hujurat, Ayat 13 yang bermaksud "*Wahai manusia! Sungguh, Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sungguh, yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Sungguh, Allah Maha Mengetahui, Maha Teliti*".

Daripada ayat tersebut, kita dapat memahami bahawa Allah SWT telah mencipta manusia secara berbeza-beza adalah supaya kita saling mengenali, saling memahami dan saling bertolak ansur sesama kita.

Oleh yang demikian, untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, perbezaan sesama kita perlu dijadikan sebagai satu kekuatan kerana dengan perbezaan ini, pelbagai masalah dapat diselesaikan melalui solusi yang berbeza-beza. Melalui perbezaan ini juga, perancangan hala tuju organisasi kita menjadi lebih kreatif dan bakal membawa kepada kecemerlangan.

Akhir kata, marilah kita berlapang dada dan meraikan perbezaan yang ada dalam kalangan kita supaya organisasi yang kita bina bersama akan terus maju dan cemerlang di masa hadapan.

SIDANG EDITORIAL

Penaung

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Penasihat

Adreena binti Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor

Saiful Hisham bin Mansor
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Penolong Ketua Editor

Lt Kol Zuhairy bin Limat

Editor

Mej Hafiza bin Ismail
Norazlin binti Jalik
Lt Kdr Mohamad Ridzwan bin Mohamad Yusoff TLDM
Mej Ezrie Hanif bin Yusoff TUDM
Muhammad Syurahbil bin Hashim
Mazaitul Azwa binti Abdullah

Tim Editorial

Nur Ina Fazira binti Mazelan
Nurul Sakina binti Ariffin

Foto

Unit Komunikasi Strategik;
Perhubungan Raya Tentera Darat;
Bahagian Komunikasi Strategik Tentera Laut Diraja Malaysia;
Sekretariat D Tentera Udara Diraja Malaysia;
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan; dan
Angkatan Tentera Malaysia.

☎ 03 - 4012 3305

🌐 www.mod.gov.my

✉ penerbitan.uks@gmail.com

📘 Kementerian Pertahanan Malaysia

📷 [mindefmalaysia](https://www.instagram.com/mindefmalaysia)

🐦 [@MINDEFMalaysia](https://twitter.com/MINDEFMalaysia)

📺 [KementerianPertahananMalaysia](https://www.youtube.com/KementerianPertahananMalaysia)

📢 [MINDEF UPDATE](https://www.facebook.com/MINDEFUPDATE)

🎵 [mindefmalaysia](https://www.spotify.com/mindefmalaysia)



10,205 WARGA KERJA PERTAHANAN DIRAI DAN TERIMA PENGIKTIRAFAN CEMERLANG TAHUN 2022

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2022 pada 14 Mac 2023 bertempat di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur. Majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan dan penghargaan kepada Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan ATM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang tahun 2022. YB Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan telah menyempurnakan majlis tersebut yang bertemakan "Apresiasi Melestari Khidmat Bakti dan Kecemerlangan Kementerian Pertahanan".

Seramai 10,205 Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan Warga ATM dari ketiga-tiga cabang (Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia) telah menerima pengiktirafan cemerlang Tahun 2022. Pecahan daripada jumlah tersebut seramai 874 adalah daripada warga awam, 9,198 warga ATM dan selebihnya iaitu 133 orang adalah pesara.

Walau bagaimanapun, hanya 391 orang penerima APC dan pingat PPT terdiri daripada penjawat awam yang berkhidmat di Wisma Pertahanan dan Unit-unit Tentera, Warga ATM serta pesara awam yang terpilih diraikan pada majlis tersebut. Manakala baki selebihnya, Majlis Anugerah APC dan Pingat PPT akan diselaraskan oleh negeri dan markas masing-masing.

Semasa ucapan perasmian, YB Menteri Pertahanan menyeru agar Warga Kerja Kementerian Pertahanan untuk terus kekal cemerlang dengan sikap yang tulus, positif dan ikhlas di samping menjadi contoh kepada rakan-rakan sekerja untuk lebih berusaha pada masa akan datang. Bagi pesara pula beliau menyatakan bahawa mereka hanya bersara daripada perkhidmatan awam tetapi jangan terus bersara dalam menabur bakti dan jasa kepada bangsa serta negara tercinta.

Penerima APC diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai yang bernilai RM 1,000.00 manakala bagi pesara awam yang bersara wajib akan menerima Pingat PPT, Sijil Penghargaan serta hadiah wang tunai berjumlah RM 600.00. Bagi Pesara Awam yang bersara pilihan akan menerima Sijil Penghargaan dan hadiah wang tunai bernilai RM 600.00.

Penganugerahan dan pengiktirafan ini diberikan sebagai tanda penghargaan kepada setiap Warga Kerja Kementerian Pertahanan atas peranan mereka bukan hanya bertindak sebagai petugas barisan hadapan negara malah turut memainkan peranan sebagai unsur teras dalam tonggak kedua strategi pertahanan negara iaitu Pertahanan Komprehensif seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP).

Turut hadir sama meraikan anggota cemerlang dan anggota bersara ialah YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan serta pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan dan ATM.





KERAJAAN HARGAI PETUGAS OP STARLIGHT II TURKIYE

Majlis Penghargaan Tim Misi Op STARLIGHT II Turkiye telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan pada 18 April 2023 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia. Majlis ini bertujuan untuk menghargai semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan Misi Op STARLIGHT II Hospital Medan Malaysia (HMM) di Celikhan, Adiyaman iaitu kira-kira 152 kilometer dari Gaziantep, kawasan paling terjejas akibat gempa bumi Turkiye.

HMM telah memulakan pengoperasiannya pada 15 Februari 2023 dengan kekuatan petugas seramai 110 pegawai dan anggota Kor Kesihatan Diraja, menawarkan perkhidmatan perubatan bagi tahap tiga (3), termasuk prosedur pembedahan kepada masyarakat setempat dan kawasan berdekatan yang telah terjejas akibat bencana gempa bumi. HMM juga melaksanakan *Outreach Medical Program* melalui pasukan *Forward Medical Team* (FMT). Pendekatan FMT adalah dengan mengatugerak petugas kesihatan HMM ke rumah-rumah penduduk di sekitar Celikhan serta memeriksa warga tua dan yang lemah untuk disaring serta dibawa ke HMM untuk rawatan lanjut sekiranya perlu. Secara tidak langsung inisiatif ini dapat meningkatkan imej negara serta memperlihatkan komitmen tinggi Malaysia dalam usaha membantu Turkiye yang ditimpa musibah.

Untuk rekod YB Menteri Pertahanan juga telah berkesempatan mengadakan lawatan rasmi ke Turkiye pada 19 hingga 21 Mac 2023. Beliau telah melawat HMM dan berkesempatan beramah mesra serta berinteraksi dengan petugas-petugas HMM. Beliau turut menghargai jasa dan sumbangan petugas-petugas HMM dalam mengharumkan nama negara. Sepanjang melaksanakan operasi HMM selama enam (6) minggu, seramai 2,415 pesakit telah dirawat termasuk 83 kes pembedahan yang telah berjaya dilaksanakan dan 159 pesakit yang telah diberikan rawatan oleh FMT. Kesemua anggota yang terlibat dengan HMM telah selamat kembali ke Tanah Air pada 28 Mac 2023.



Komitmen dan tanggungjawab Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam Op STARLIGHT II membuktikan kerjasama awam-tentera (CIMIC) tidak hanya dipraktikkan dalam negara malah turut dilaksanakan di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung usaha ini mendukung satu elemen penting dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) iaitu Hubungan Pertahanan Antarabangsa.

Dalam Majlis Penghargaan Tim Misi Op STARLIGHT II Turkiye, YB Menteri Pertahanan telah menyampaikan sijil penghargaan kepada lapan (8) wakil daripada setiap elemen perkhidmatan yang telah menjayakan Misi Op STARLIGHT II. Mereka yang dianugerahkan sijil penghargaan ialah :

- I. Lt Jen Dato' Noor Mohamad Akhmar bin Md Dom TUDM, Panglima Angkatan Bersama yang merupakan Peneraju Operasi;
- II. Lt Jen Dato' Mohd Shahada bin Ismail TUDM, Panglima Operasi mewakili TUDM;
- III. Brig Jen Dato (Dr) Amran bin Amir Hamzah, Pemerintah Operasi Op STARLIGHT II;
- IV. Kol (Dr) Yussara bin Yusoff, Pegawai Memerintah Hospital Medan Malaysia;
- V. Mej Mohd Najib bin Saeran, Ketua *National Support Element* (NSE);
- VI. Mej Faz'zli bin Abdullah TUDM, Ketua Tim Komunikasi;
- VII. Mej (Dr) Shazwani Liyana binti Shariffuddin, Pakar Perubatan Keluarga; dan
- VIII. Pegawai Waren I Nor Azmi bin Mohd Zain, Wakil Tim Sokongan Perubatan.

YB Menteri Pertahanan juga merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan yang telah dicapai oleh Misi Op STARLIGHT II yang membuktikan kemampuan ATM untuk diaturgerakkan dalam masa yang singkat bagi melaksanakan sebarang operasi. Sebelum ini, Op STARLIGHT I pernah dilaksanakan di Cox's Bazaar Bangladesh pada tahun 2017 bagi tujuan membantu pelarian Rohingya dari Myanmar yang melarikan diri ke Bangladesh.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, TYT Emir Salim Yüksel, Duta Turkiye ke Malaysia dan Panglima-panglima Perkhidmatan.



5 JANUARI 2023: AMANAT MENTERI PERTAHANAN

Kementerian Pertahanan dan ATM komited untuk meneruskan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan (KPP) iaitu dokumen strategik pertahanan negara, bagi tempoh 2021 sehingga 2030. Ini termasuklah, memastikan penerbitan dokumen-dokumen susulan iaitu Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara, Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan dan Pelan Pelaburan Pertahanan Negara. Selain itu, pelaksanaan KPP ini disokong, menerusi Pelan Strategik MinDef 2021 sehingga 2025.



25 JANUARI 2023: TINJAUAN KERJA MENTERI PERTAHANAN KE PROJEK PERUMAHAN SATU ANGGOTA SATU RUMAH (SASaR)




Projek Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) ATM merupakan agenda teras Kementerian Pertahanan bagi menjaga kebajikan dan kualiti hidup Warga Kerja Pertahanan yang merangkumi anggota tentera, warga awam MinDef dan Veteran ATM.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan telah turun padang bagi melihat perkembangan terkini projek perumahan SASaR di Sungai Besi.

7 FEBRUARI 2023: KERJASAMA MALAYSIA DAN BRUNEI KUKUHKAN HUBUNGAN BILATERAL ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan telah sembah menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Brunei dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam siri Lawatan Rasmi beliau bagi membincangkan secara meluas mengenai kerjasama pertahanan Malaysia dan Brunei Darussalam.



21 FEBRUARI 2023: LAWATAN RASMI YB MENTERI PERTAHANAN KE REPUBLIK INDONESIA



Lawatan rasmi merupakan salah satu aktiviti diplomasi pertahanan yang mendokong tonggak strategi pertahanan Perkongsian Berwibawa yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan. Tonggak strategi ini menekankan kerjasama pertahanan serantau dan luar rantau secara dua hala dan pelbagai hala dalam memastikan keselamatan, kedaulatan dan kemakmuran negara.

2 MAC 2023: LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTAHANAN KE UAE

Lawatan kerja ini bagi mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertemu dengan Syeikh Mohamed bin Zayed Sultan Al-Nahyan, Presiden UAE dan Pemerintah Abu Dhabi.

YB Menteri Pertahanan turut berkesempatan melawat Abu Dhabi Ship Building (ADSB) dan CARACAL yang merupakan sebuah syarikat pembuatan senjata kecil terkemuka dunia, bagi mendapatkan pandangan bagaimana UAE membangunkan produk pertahanan negara berkenaan. Beliau turut menyatakan hasrat agar syarikat industri pertahanan UAE dapat meneroka peluang kerjasama dengan syarikat-syarikat pertahanan di Malaysia.



4 MAC 2023: TINJAUAN MANGSA BANJIR DI JOHOR DAN NEGERI SEMBILAN



YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan telah turun padang melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Segamat, Johor dan Tampin, Negeri Sembilan bagi meninjau keadaan semasa banjir. Beliau juga berkesempatan melihat sendiri pengoperasian serta kesiapsiagaan warga dan aset ATM dalam melaksanakan Op MURNI.

3 APRIL 2023: BUBUR LAMBUK DIAGIHKAN SEMPENA IHYA RAMADAN

Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Affin Bank telah menganjurkan Program Ihya Ramadan melalui Majlis Pengagihan Bubur Lambuk di Wisma Pertahanan. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan bersama YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah meluangkan masa mengagihkan sebanyak 2,000 bubur lambuk kepada Warga Kementerian Pertahanan dan ATM.



17 APRIL 2023: BERBUKA PUASA BERSAMA PENGAMAL MEDIA



Majlis Berbuka Puasa bersama pengamal media telah dianjurkan oleh Pejabat Menteri Pertahanan dan Unit Komunikasi Strategik (UKS) Kementerian Pertahanan turut dihadiri dari pelbagai agensi media tempatan antaranya Media Prima Berhad, The New Straits Time Press (M) Berhad (NSTP), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Radio Televisyen Malaysia (RTM), Astro Awani, Utusan Malaysia serta lain-lain agensi media. Pada majlis tersebut, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan turut mengambil kesempatan menyantuni petugas media yang hadir dengan beramah mesra bersama mereka.

JELAJAH PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV) TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

Jelajah Program Peduli Veteran (PPV) merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan dan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) dalam usaha mengenal pasti serta menyantuni bekas-bekas perajurit negara yang menghadapi kesusahan dan memerlukan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, keperluan harian atau lain-lain bentuk bantuan dan kebajikan yang diperlukan.

Program kali ini diisi dengan Program Hari Bertemu Veteran yang dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan dalam mendengar luahan serta permasalahan Veteran-veteran ATM terutama dari golongan sasaran B40.

YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan Bakul Makanan dan sumbangan saguhati kepada semua veteran yang dilawati menerusi PPV ATM. Program ini merupakan hasrat Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan hala tuju Kertas Putih Pertahanan (KPP).

Beberapa siri PPV telah berjaya dilaksanakan antaranya;



4 Mac 2023
PPV di Melaka

18 Mac 2023
PPV di Kelantan

31 Mac 2023
PPV di Johor



1 April 2023
PPV di Pulau Pinang

2 April 2023
PPV di Kedah

14 April 2023
PPV di Perak



PERASMIAN PUSAT DATA BERSEPADU (PUSPADU) MINDEF

Pusat Data Bersepadu (PUSPADU) Kementerian Pertahanan merupakan infrastruktur maklumat kritikal yang menjadi hub menempatkan data dan perkhidmatan digital “End to End” (E2E), aplikasi dan sistem kritikal, pangkalan data dan arkib digital milik Kementerian Pertahanan termasuklah daripada JHEV, STRIDE dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Selain itu, PUSPADU juga berfungsi sebagai koridor digital yang menghubungkan Ibu Pejabat Wisma Pertahanan dengan semua markas, formasi pertahanan yang terletak di kem, pangkalan dan wilayah operasi ATM menerusi sambungan kampus SDLAN dan SDWAN, rangkaian selamat MINDEF*NET dan MyGOV*NET. PUSPADU turut dibina bersama-sama dengan bangunan pencawang baharu bagi sokongan “redundancy” bekalan tenaga elektrik.

PUSPADU juga merupakan *Green Data Centre* (GDC) yang telah mendapat pengiktirafan *Green Climate Initiative* (GCI) yang direkabentuk dengan mengambil kira keberkesanan, kelestarian, kemampuan dan jaminan keselamatan bagi menyimpan “crown jewel” data dan sistem seperti yang telah diaspirasikan dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) dan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MINDEF (2021-2025).



Majlis pelancaran PUSPADU, Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 2 Mac 2023 bertempat di Wisma Perwira. Selain daripada itu, turut diadakan pelancaran Pelan Strategik Pendigitalan MINDEF 2021-2025 (PSP) dan Polisi Keselamatan Siber (PKS). PSP MINDEF 2021-2025 mengandungi lima (5) Teras, 14 Inisiatif, 19 Program dan 46 aktiviti yang dirancang sejajar dengan Pelan Strategik Digital Nasional (PSDN). Manakala Polisi Keselamatan Siber Kementerian Pertahanan (PKS MINDEF) pula merupakan dasar yang menggariskan kehendak, komitmen dan jangkaan Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan terhadap aspek keselamatan siber dan keselamatan maklumat. PKS mengambil kira keperluan kementerian dari aspek keselamatan organisasi, perlindungan aset maklumat, perkhidmatan infrastruktur maklumat kritikal seperti pusat data dan rangkaian, data dan rekod digital terperingkat, elemen sumber manusia dan penggunaan teknologi digital dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan digital di Kementerian Pertahanan.

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA BERKUNJUNG KE PAMERAN PERTAHANAN ANTARABANGSA IDEX & NAVDEX 2023 DI ABU DHABI



Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera telah mengadakan kunjungan ke Pameran Pertahanan Antarabangsa (IDEX & NAVDEX 2023) yang berlangsung di Abu Dhabi National Exhibition Centre (ADNEC) pada 24 Februari 2023. *International Defence Exhibition and Conference (IDEX 2023)* edisi ke-16 dan *Naval Defence and Maritime Security Exhibition (NAVDEX 2023)* edisi ke-7 merupakan antara platform pameran pertahanan antarabangsa yang terbesar dengan melibatkan jumlah pempamer lebih dari 1,350 yang terdiri dari 65 buah negara yang menyaksikan kecanggihan teknologi dalam aspek keselamatan dan pertahanan khususnya.



Panglima Angkatan Tentera turut berkesempatan untuk mengunjungi beberapa buah ruang pameran yang mempamerkan teknologi terkini dalam aspek pertahanan darat, laut dan udara di samping meneroka inovasi baharu yang memberi impak ke atas sektor keselamatan dan pertahanan global amnya.

Terdahulu, beliau turut berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke atas rakan sejawat beliau, His Excellency, Staff Lt General Eisa Saif bin Ablan Almazrouei, Chief of Staff of the UAE Armed Forces yang baharu dilantik ke jawatan tersebut pada 3 Januari 2023. Kunjungan ini adalah sebagai salah satu agenda rasmi dalam usaha untuk membina dan mengukuhkan jalinan hubungan kerjasama antara kedua-dua buah pasukan Angkatan Tentera (ATM-UAE AF) dalam pelbagai fokus ketenteraan khususnya.





KUMPULAN KOR PERKHIDMATAN TERIMA ANUGERAH PTJ TERBAIK KESELURUHAN TAHUN 2022

Majlis Anugerah *Accountability Index Monitoring System* (AIMS) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Terbaik Tahun 2022 telah diadakan pada 31 Mac 2023 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Sebanyak 12 daripada 101 PTJ telah menerima Anugerah PTJ Terbaik Tahun 2022 pada majlis ini.

Penganjuran majlis ini adalah bagi meraikan kejayaan pencapaian 100 peratus Kementerian Pertahanan dalam pengauditan AIMS serta menghargai Pencapaian Cemerlang PTJ dalam melaksanakan pengurusan kewangan dan perolehan tahun 2022 melalui penyampaian anugerah PTJ terbaik.

Kumpulan Kor Perkhidmatan telah menerima Anugerah PTJ Terbaik keseluruhan Tahun 2022 yang telah berjaya menyelesaikan pembayaran melebihi 5,000 bil. Bagi kategori Sangat Kecil penerima adalah daripada Bahagian Pengurusan Maklumat. Manakala Cawangan Operasi dan Latihan Tentera Darat dan Akademi Tentera Darat telah memenangi anugerah bagi kategori Kecil.

Seterusnya bagi kategori Sederhana penerima adalah daripada Depot Bekalan Armada Barat, KEMANTAH Cawangan Sarawak, Markas 30 Briged, Markas Pemerintahan Kapal Selam dan Pangkalan Udara Jugra. Seterusnya bagi anugerah kategori Besar penerima adalah daripada Markas 1 Briged, Kem Rasah dan Markas 8 Briged, Kem Pengkalan Chepa. Bagi kategori Mega pula penerimanya adalah daripada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan.

Majlis ini turut dihadiri Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan, pihak Pengurusan Kementerian Pertahanan dan ATM.



Tanggal 11 hingga 12 Mac 2023, Tentera Darat Malaysia (TDM) telah menganjurkan persembahan TATU dan Karnival Hari Terbuka Tentera Darat bertempat di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) Port Dickson, Negeri Sembilan. Jen Tan Sri Zamrose Mohd Zain, Panglima Tentera Darat telah menyempurnakan majlis ini yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Tentera Darat yang ke-90 pada tahun ini.



TATU Tentera Darat merupakan rangkaian persembahan hiburan yang merangkumi pelbagai pertunjukan aksi-aksi kemahiran yang melibatkan konsep *marching* seperti Pancaragam, Kawad Senyap, Tarian Perang, Kemahiran Tempur Tanpa Senjata, Kemahiran Menunggang Kuda dan *Drumliner*. Selain itu, aset TDM seperti Anjing Perang dan kepakaran pasukan elit Para dan Komando turut dipersembahkan. Sejarah persembahan TATU yang asalnya melibatkan persembahan pancaragam oleh anggota tentera kepada awam telah divariasikan seiring perubahan masa dengan skala yang lebih besar dan mempunyai nilai komersil yang tersendiri sehingga boleh menarik minat pengunjung dari dalam dan luar negara.

Uniknya pada tahun ini persembahan yang ditunjukkan oleh *Tim Army Red Warrior* bukan sahaja mendapat sorakan gemuruh daripada penonton malah telah mendapat pengiktirafan dalam *Malaysian Book Of Records (MBOR)* dengan rekod terbaharu iaitu *Most People Riding On A Motorcycle* dan *Longest Motorcycle Jump (Female)* yang dipertontonkan oleh Sarjan Saidatul Husna Kamaruddin.

Buat julung kalinya dan turut memeriahkan acara, Skuadron Istiadat Berkuda (SIB) hadir bersama sekumpulan kuda dan telah menarik perhatian pengunjung yang setia menunggu walaupun dalam keadaan hujan. Turut dipertontonkan bersempena Hari Tentera Darat kali ini ialah pertunjukan Kepakaran *Improvised Explosive Device (IED)* dan *Nuclear, Biological and Chemical*, Kepakaran Ikhtiar Hidup, Demonstrasi Sajian Medan dan Catuan Tempur, Khidmat Kesihatan dan Pergigian serta Persembahan Hiburan daripada Badan Kesenian Tentera Darat (BKTD).

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan turut hadir menyaksikan persembahan TATU. Selain itu, antara tetamu kehormat yang turut hadir ialah YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia serta Lt Jen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Timbalan Panglima Tentera Darat.

PERSEMPAHAN TATU DAN KARNIVAL HARI TERBUKA TENTERA DARAT 2023



SYABAS DAN TAHNIAH: PANGLIMA TENTERA DARAT KE-29



Pada 22 Mac 2023, menyaksikan Tentera Darat Malaysia menerima kepimpinan baharu apabila Jen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman telah dilantik sebagai Panglima Tentera Darat bagi menggantikan Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain yang mula bercuti pada 23 Mac 2023 sebelum menamatkan perkhidmatan beliau pada 21 September 2023 setelah berkhidmat selama 43 tahun dalam Tentera Darat dan Angkatan Tentera Malaysia.

Majlis Pemakaian Pangkat dan Serah Terima Tugas Penglima Tentera Darat telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan dan disaksikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan pada 22 Mac 2023. Dalam majlis tersebut YB MenHan merakamkan ucapan tahniah kepada Jen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman atas kenaikan pangkat dan pelantikan sebagai Panglima Tentera Darat yang baharu. Beliau juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain yang telah menyumbangkan khidmat baktinya dalam perkhidmatan Tentera Darat Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Banyak jasa dan usaha yang telah dilaksanakan oleh Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain semasa beliau memegang tampuk sebagai Panglima Tentera Darat Malaysia terutamanya dalam memastikan kesiapsiagaan Tentera Darat Malaysia berada di tahap yang maksimum.

Pada 23 Mac 2023, Jen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Tentera Darat (PTD) telah memulakan tugas beliau secara rasminya sebagai Panglima Tentera Darat Ke-29. Ketibaan beliau disambut oleh Warga Markas Tentera Darat (MK TD) di Wisma Pertahanan. Sebagai tanda penghormatan hari pertama menjalankan tugas sebagai PTD Ke-29, beliau telah membuat pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja. Semoga dengan pengalaman luas yang dimiliki serta daya kepimpinan yang tinggi, Jen Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman berupaya menerajui Tentera Darat Malaysia dengan baik dan membawa ketumbuhan ke tahap yang tertinggi.



MA TENTERA



KEPIMPINAN BAHARU TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

Tanggal 27 Januari 2023, menyaksikan peralihan tampuk pimpinan tertinggi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) apabila Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob telah dilantik sebagai Panglima Tentera Laut ke-18 menggantikan Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sani yang telah bersara wajib setelah berkhidmat selama 42 tahun. Majlis pemakaian pangkat dan serah terima tugas Panglima Tentera Laut telah diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan yang disempurnakan oleh Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera dan YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Antara jawatan yang pernah disandang oleh Laksamana Tan Sri Datuk Abdul Rahman bin Ayob sepanjang perkhidmatan beliau ialah Komander Angkatan Kapal Selam, Timbalan Ketua Misi Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao Filipina, Panglima Wilayah Laut 2, Panglima Armada Timur dan Timbalan Panglima Tentera Laut pada 2019. Kerjaya beliau sebagai seorang *Submariner* bermula seawal tahun 1993 apabila memperolehi lencana kepakaran kapal selam setelah menamatkan latihan kapal selam di HMAS PLATYPUS, Australia. Seterusnya beliau telah menjalani Latihan Pengenalan Kapal Selam di Sweden pada tahun 1995 dan di Perancis pada 1999 serta berjaya menamatkan Kursus Asas Kapal Selam Kelas AGOSTA pada tahun 2006 di Perancis.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Laksamana Tan Sri Abdul Rahman atas pelantikan beliau sebagai Panglima Tentera Laut ke-18 dan ucapan jutaan terima kasih kepada Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sani atas jasa bakti dan pengorbanan yang dicurahkan beliau sepanjang berkhidmat terutamanya ketika menggalas jawatan Panglima Tentera Laut ke-17 sejak 30 November 2018.



8 PANJI-PANJI REGIMEN TLDM MENYEMARAKKAN ISTIADAT PERBARISAN HARI ULANG TAHUN (HUT) TLDM KE-89



Buat julung kalinya lapan (8) Panji-panji Regimen Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) iaitu KD PELANDOK, KD MALAYA, KD PANGLIMA HITAM, KD SRI SANDAKAN, KD RAJAWALI, KD SRI SEMPORNA, KD DUYONG dan Skuadron Frigate Ke-23 telah diarak semasa Istiadat Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) TLDM Ke-89 yang diadakan pada 27 April 2023 bertempat di Padang Kawad KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Upacara perbarisan penuh istiadat telah disempurnakan oleh Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut.

Perbarisan HUT ke-89 terdiri daripada 16 kontinjen melibatkan 61 Pegawai dan 812 Anggota Lain-lain Pangkat yang diketuai oleh Kdr Lim Kim Tat TLDM serta dibantu Pancaragam Pusat TLDM yang dipimpin oleh Lt Kdr Mohd Shamram bin Ramli TLDM. Selain itu, pameran statik aset pertahanan dan sokongan turut diadakan di Padang Kawad KD PELANDOK yang merangkumi dua (2) buah Helikopter Operasi Maritim (HOM) dari Skuadron 503 Kota Kinabalu, Sabah, dua (2) buah *Loader*, sebuah (1) lori Bomba TLDM, dua (2) buah motor *scrambler* dan dua (2) buah *Rigid Hull Inflatable Boat* (RHIB) Pasukan Khas Laut (PASKAL).

Upacara penyampaian piala dan anugerah kepada unit dan warga yang cemerlang sepanjang tahun 2022 turut diadakan. Seramai 40 orang pegawai dan anggota telah dianugerahkan Pingat Kedaulatan Negara (PKN) sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap jasa bakti anggota tentera yang terlibat dalam Op DAULAT berikutan insiden pencerobohan Lahad Datu, Sabah. Senarai pemenang piala dan anugerah sempena Hari Ulang Tahun TLDM Ke-89 adalah seperti berikut;

Piala Agong

- Kapal Diraja (KD) LEKIU

Piala Gonzales

- Kapal Diraja (KD) KERIS

Piala Panglima Tentera Laut

- Kapal Diraja (KD) SUNDANG

Markas Terbaik

- Markas Pemerintahan Kapal Selam

Bintara Terbaik TLDM

- Bintara Muda PAP (PKL) Abdul Rahman bin Abu Hassan

Laskar Terbaik TLDM

- Laskar Kanan TMS Tc. Shatheesrao a/l Apparao




PESAWAT A400M TUDM KE SYRIA BAGI MISI BANTUAN KEMANUSIAAN

Prihatin dengan nasib penduduk Syria yang terjejas akibat gempa bumi, Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri (TBKLN) telah dilancarkan pada 15 Februari 2023. Tabung ini telah berjaya mengumpul barangan bantuan kemanusiaan seberat 42 tan hasil sumbangan ikhlas rakyat Malaysia. Antara barang-barang yang berjaya dikumpulkan adalah makanan siap sedia untuk dimakan (ready to eat), barangan keperluan bayi, bekalan ubat-ubatan, empat (4) buah generator, pakaian, selimut, kelengkapan perlindungan diri (personal protective equipment), khemah, karpet dan *indoor separators*.

Bagi menjayakan misi penghantaran bantuan kemanusiaan ke penduduk Syria, dua (2) buah pesawat A400M dari No 8 Skuadron telah diatur gerak oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Jen Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Tentera Udara (PTU) telah menyempurnakan Majlis Penghantaran Bantuan Kemanusiaan ke Syria pada 18 Februari 2023 bertempat di Pangkalan Udara Subang. Pesawat pertama telah diterbangkan oleh Lt Kol Wan Azrul bin Wan Azmy TUDM, Pegawai Memerintah No 8 Skuadron bersama 16 anak kapal lain terdiri daripada juruterbang, pembantu juruterbang, pegawai kejuruteraan, *loadmaster* dan kru teknikal. Manakala pesawat kedua telah diterbangkan oleh Mej In'Am Ul Hasan bin Shuhaimy Basha TUDM bersama 16 anak kapal lain

Turut hadir menyaksikan majlis penghantaran ini adalah YBhg. Dato' Cheong Loon Lai TKSU Kementerian Luar Negeri, Mr Mhd Ghiath Ibrahim Pegawai Kedutaan Syria, Mej Jen Dato' Zaidan bin Atan, AKS Operasi & Latihan Pertahanan, Mej Jen Dato' Hj Shamsudin bin Kassim TUDM, Ketua Staf Markas Pemerintahan Operasi Udara dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Luar Negeri, ATM serta NADMA. Antara NGO yang turut terlibat menjayakan misi ini adalah PBSM, MERCY Malaysia, BeVital Ihsan Johor, REDA Humanitarian, Malaysia For Syria, Global Peace Mission, MAHAR, MCRD, Shine Catholic Church, Yemeni School Foundation dan Syrian People Malaysia.



PROGRAM JIWA MURNI SANTUNI KOMUNITI



Program Jiwa Murni Santuni Komuniti yang bertemakan “Mensyukuri Nikmat Tuhan Selagi Bernyawa” merupakan anjuran Squadron Officer Course (SOC) Siri 98/23 dan Junior Officer Course (JOC) Siri 14/23. Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) dengan kerjasama Pangkalan Udara Sendayan telah menjayakan program yang dilaksanakan pada 18 Februari 2023.

Objektif program ini ialah untuk menyantuni anak-anak asnaf di samping memberikan pendedahan awal kepada mereka tentang peranan tentera dan pendedahan kepada budaya kerja ATM secara umumnya dan TUDM secara khususnya. Selain itu, program ini adalah untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan mengurus sesuatu acara, memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan dan nilai setia kawan (*esprit de corps*) dalam kalangan peserta kursus yang terlibat.

Program ini disertai seramai 65 orang anak-anak asnaf dalam lingkungan umur antara lima (5) hingga sembilan (9) tahun dan diiringi oleh lapan (8) orang guru serta Ketua Penyelia Rumah Asnaf Murni. Ketibaan mereka telah disambut mesra oleh Lt Kol Nasruddin bin Khalid TUDM, Pegawai Memerintah INSKEP dan isteri bersama seluruh warga INSKEP di Malaysian Armed Forces Equestrian Centre (MAFEC). Acara dimulakan dengan pertunjukan *Show Jumping* oleh warga MAFEC serta anak-anak asnaf diberi peluang untuk melihat kuda dan memberi makan kepada kuda yang terdapat di MAFEC. Setelah itu, mereka dibawa melawat Muzium TUDM bagi melihat aset-aset TUDM yang terawal seperti pesawat dan persenjataan. Beberapa pesawat yang terlibat dalam program ini adalah seperti Pesawat MD3-160 Aerotiga, Bulldog B-100, Allouette MKIII, Bell 77G, Single Pioneer, Hunting Percival (PISTON) PROVOST dan Cessna 402B.

Keceriaan jelas terpancar di wajah anak-anak asnaf apabila mereka diberikan peluang untuk merasai pengalaman berada di dalam kokpit pesawat *static display* yang dipamerkan. Turut dipamerkan, senjata perang terdahulu seperti Rifle Martini 22 No.8, Rifle HBSLR, Rifle LMG, Rifle SMG dan Rifle Martini 22 MKI. Program diteruskan lagi dengan acara sukaneka di Hangar Serbaguna, Markas Pasukan Simpanan Tentera Udara (MPSTU), Sendayan, Negeri Sembilan. Antara acara sukaneka yang telah disediakan khas buat anak-anak asnaf ialah acara kail dalam botol, membawa bola pingpong dalam sudu dan menghantar gelang getah menggunakan straw. Demonstrasi menyelamatkan mangsa kebakaran dan memadam api oleh Bomba Pangkalan Udara Sendayan turut dipertontonkan kepada mereka.

Di akhir program, penyampaian sumbangan berbentuk barang keperluan yang berjaya dikumpul hasil kutipan ikhlas dari pelbagai pihak telah diserahkan kepada wakil Penyelia Rumah Asnaf Murni dengan harapan sumbangan tersebut dapat meringankan beban dan tanggungan pihak pengurusan Rumah Asnaf Murni. Semoga Program Jiwa Murni yang dilaksanakan ini memberi manfaat kepada anak-anak asnaf dan seterusnya menyemarakkan hubungan baik TUDM bersama masyarakat setempat.





TINJAUAN KE RUMAH VETERAN YANG TERKESAN AKIBAT BANJIR OLEH KETUA PENGARAH JHEV

Artikel oleh : Unit Komunikasi Korporat Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM



Mej Jen Zambery Jefry bin Hj Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM bersama Pengarah dan Staf JHEV Cawangan Kelantan dan Terengganu telah melaksanakan lawatan ke rumah veteran yang terjejas akibat banjir di Terengganu. Beliau juga berkesempatan untuk menyampaikan Bantuan *Kit* Banjir, sumbangan makanan dari Syarikat MyCare kepada veteran yang terkesan dan terjejas akibat banjir. Sebanyak 50 *pax* telah disampaikan oleh beliau bertempat di Rumah Rehat Majlis Daerah Hulu Terengganu, Terengganu.

Turut hadir di program lawatan tersebut ialah Lt Kol Azwadi bin Jamian (Bersara), Ketua Pegawai Operasi YVATM, Puan Juhana binti Hj Buang, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JHEV ATM serta wakil-wakil dari tujuh (7) Persatuan Veteran di Negeri Terengganu. Bantuan ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan Veteran ATM.

MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH JHEV TAHUN 2023

YBhg. Mej Jeneral Zambery Jefry bin Hj Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah menyempurnakan penyampaian amanat kepada seluruh warga JHEV yang diadakan di Aras 15, Bangunan TH Perdana pada 31 Januari 2023. Dalam ucapan, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan-mantan Ketua Pengarah terdahulu yang telah mencurahkan bakti dalam menjaga kebajikan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ketua Pengarah JHEV menggariskan lima (5) teras utama mendokong sasaran dalam merealisasikan visi dan misi JHEV.

Melalui Pengukuhan Dasar, pengurusan hal ehwal Veteran ATM secara komprehensif dan efektif dengan pemerkasaan Majlis Veteran Kebangsaan akan dipertingkatkan. Beliau berharap fungsi perkhidmatan JHEV mampu memberi impak kepada Veteran ATM dengan Peningkatan Kualiti Perkhidmatan yang efektif. Melalui Pemerkasaan Sosioekonomi, penekanan terhadap perancangan kerjaya kedua Veteran ATM dalam usaha memastikan setiap veteran bersedia untuk menjalani kehidupan setelah bersara kelak. Melalui pendekatan penggunaan media yang meluas, maklumat akan dapat dihebahkan dalam masa yang singkat kepada Veteran ATM dan masyarakat. JHEV komited memperkasa keberkesanan penyampaian dengan pengurusan maklumat Veteran ATM melalui portal VIBES 2.0 dalam meningkatkan proses kerja dan produktiviti organisasi.



700 VETERAN DIANUGERAHKAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)

Seramai 700 orang Veteran ATM telah dianugerahkan Pingat Jasa Malaysia (PJM) pada 7 Februari 2023 bertempat di Wisma Perwira ATM dan telah disempurnakan oleh YBhg. Brig Jen (K) Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Majlis ini merupakan Majlis Penganugerahan yang pertama disempurnakan oleh YBhg. Brig Jen (K) Dato' Sri Muez bin Abd Aziz.

PJM merupakan satu pengiktirafan kepada anggota atas sifat keperwiraan, keberanian, pengorbanan dan kesetiaan dalam menyumbang kepada kebebasan Malaysia daripada ancaman komunis. Penganugerahan ini hanya dianugerahkan kepada anggota tentera atau bekas anggota tentera yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sehingga kini, seramai 33,632 warga Veteran ATM telah menerima Pingat Jasa Malaysia.



MINDEF TERUS PERKASA PERANAN PERHEBAT, BIMBING BAKAL PESARA & VETERAN ATM

Artikel oleh : Ahmad Rafizal bin Abdul Rahman, Seksyen Komunikasi Korporat, PERHEBAT

YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) pada 7 Februari 2023 di Kem Sungai Buloh bagi meninjau dan mendapatkan gambaran lebih jelas berkaitan peranan, cabaran dan hala tuju PERHEBAT dalam melaksanakan amanahnya untuk melatih dan membimbing anggota ATM yang bakal bersara dan veteran. Lawatan kerja ini merupakan lawatan sulung beliau ke PERHEBAT sejak dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Selaras iltizam Kertas Putih Pertahanan (KPP), Kementerian Pertahanan memberi keutamaan dan komitmen tinggi terhadap pembangunan modal insan serta sosioekonomi bakal pesara dan Veteran ATM, termasuklah inisiatif bagi membantu kumpulan sasaran tersebut untuk kelangsungan kerjaya kedua setelah menamatkan perkhidmatan.

Bertepatan dengan hasrat dan aspirasi Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan agar PERHEBAT diperkasakan sebagai *Enabler* dalam membimbing hala tuju kerjaya kedua kumpulan sasaran, YB Adly melihat peranan PERHEBAT amat signifikan dan relevan dalam menyumbang kepada kesejahteraan hidup Veteran ATM. Beliau menyarankan agar PERHEBAT melebar luaskan inisiatif peluang kerjaya untuk veteran menerusi kolaborasi bersama industri yang lebih inklusif.

Kunjungan Timbalan Menteri Pertahanan disambut oleh Ketua Pengarah PERHEBAT, Tuan Hj Zakariah Hj Md Sam bersama pengurusan PERHEBAT. YB Adly juga berkesempatan melihat sendiri pelaksanaan Latihan Peralihan di bengkel-bengkel latihan dan beramah mesra bersama pelatih-pelatih di beberapa bengkel latihan seperti PKS Agrotani, Binaan & Hiasan Dalam, Jahitan dan Elektrikal.

Pada 18 Mac 2023, Timbalan Menteri Pertahanan itu juga berkesempatan menyantuni Usahawan Veteran ATM dan Pelatih PERHEBAT di Kem Desa Pahlawan, Kelantan bersempena Program Peduli Veteran ATM (PPV ATM) peringkat negeri Kelantan anjuran JHEV ATM. Selain itu, beliau juga berkesempatan meninjau tapak pertanian yang diusahakan pelatih Latihan Peralihan dan meluangkan masa untuk memetik hasil sayuran seperti terung di Tapak Simulasi Pertanian kendalian PERHEBAT Negeri Kelantan/ Terengganu di Kem Desa Pahlawan. YB Adly seterusnya berkunjung ke ladang madu kelulut yang diusahakan oleh Veteran ATM bimbingan PERHEBAT, PW II Rusman Mamat (Bersara). Setakat ini, beliau mengusahakan lebih 500 sarang kelulut dengan kapasiti pengeluaran sehingga 150 kilogram madu sebulan. Kunjungan Timbalan Menteri Pertahanan disambut oleh Mej Sharulanuar Baharom (Bersara), Pengurus PERHEBAT Kelantan/ Terengganu dan hadir sama Panglima 8 Briged, Brig Jen Aizudin Hassan.



KOLABORASI PERHEBAT BERSAMA UPM & IRDA, BERI MANFAAT KEPADA VETERAN ATM

Artikel oleh : Ahmad Rafizal bin Abdul Rahman, Seksyen Komunikasi Korporat, PERHEBAT

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah menjalin kolaborasi strategik bersama Pusat Pertanian Putra (PPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan melaksanakan Program USAHAWANTANI PUTRA-PERHEBAT. Program USAHAWANTANI menawarkan latihan dan bimbingan berstruktur dalam bidang pertanian khusus untuk anggota ATM yang sedang mengikuti Latihan Peralihan dan Veteran ATM yang terlibat dalam bidang ini. Dengan tema “Melestari Jaminan Makanan, Menjana Pendapatan” inisiatif ini adalah sebagai lonjakan kerjaya kedua buat mereka sekaligus menyokong inisiatif kerajaan dalam memperkasa keterjaminan makanan negara.

Modul latihan yang dibangunkan oleh UPM ini bertumpu kepada tiga (3) sektor iaitu Tanaman (sayuran berbuah, sayuran berdaun dan *rock melon*), Ternakan (itik, arnab, puyuh) dan Perikanan (penghasilan benih ikan dan ternakan ikan). Fasa pertama program USAHAWANTANI PUTRA-PERHEBAT telah diadakan pada 14 hingga 15 Mac 2023 di UPM Serdang.



Penglibatan peserta terdiri daripada 48 orang Pegawai Kanan ATM yang akan bersara, Pegawai dan Anggota Lain-lain Pangkat (LLP). Pegawai-pegawai Kanan ATM yang hadir antaranya Mej Jen Dato Hj Md Fauzi Saleh, Asisten Ketua Staf J3 MAB bersama Pegawai-pegawai Kanan ATM berpangkat Brig Jen, Kolonel, Lt Kol, Komander daripada TD, TLDM dan TUDM. Penyertaan mereka adalah lanjutan daripada Program Persediaan Persaraan Pegawai ATM Siri 1/2023 pada 20 Februari lalu. Peserta diberi latihan dengan mengusahakan tapak pertanian secara berkelompok di UPM Serdang di bawah bimbingan dan pemantauan pensyarah terdiri daripada Pengarah Pusat Pertanian Putra, Prof. Madya Dr. Siti Zaharah Sakimin bersama Pegawai-pegawai Pertanian Pusat Pertanian Putra UPM.

Di Johor, hasil kerjasama PERHEBAT bersama Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA) telah memberi manfaat kepada Veteran ATM di negeri itu melalui pelaksanaan kursus-kursus *upskilling* dan *reskilling*. Kursus Forensik Perniagaan yang diadakan pada 3 hingga 5 Mac 2023 disertai seramai 30 orang Veteran ATM dengan menampilkan beberapa modul latihan seperti Operasi Perniagaan, Pengurusan Kewangan Perniagaan dan Pemasaran. Di akhir kursus peserta diberikan sumbangan berupa peralatan promosi dan *starter kit* perniagaan oleh IRDA. Majlis penutup dan penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Ketua “Quality Living” IRDA, YM Raja Taufik Azad Ahmad Suhaimi. Program hasil penyelarasan Mej Ismail Hisamudin Shafie (Bersara), Pengurus PERHEBAT Negeri Johor.

KAKISAN: KESANNYA KEPADA KESIAGAAN ASET PERTAHANAN NEGARA

Artikel oleh: Mohd Subhi bin Din Yati, Bahagian Teknologi Maritim, STRIDE

Kakisan merupakan tindak balas elektrokimia penguraian bahan yang diakibatkan oleh interaksi bahan dengan persekitaran. Keluli yang dikimpal atau besi yang dicairkan dengan haba yang dibekalkan akan cenderung untuk kembali ke bentuk asal berikutan daripada tenaga yang tersimpan.

Proses kakisan sering dialami oleh kapal permukaan, kapal selam dan pelantar minyak dan gas (oil & gas) yang beroperasi di persekitaran lautan yang mengkakis menyebabkan kerugian sehingga berbillion *dollar* dalam usaha untuk memulihara struktur yang terjejas. Struktur marin yang terdedah kepada pengaratan berisiko mengalami kegagalan struktur pra-matang sekiranya tiada perancangan senggaraan yang sistematik. Bagi mengatasi masalah ini, cat permukaan dan perlindungan katodik telah digunakan secara meluas.



TEKNOLOGI PEPERANGAN PERMUKAAN & BAWAH PERMUKAAN

Bagi peperangan di permukaan, elemen *stealth* berupaya meminimumkan pengesanan oleh pihak musuh. Bagi kapal perang, rekabentuk *super structure* dan *hull* diberikan penekanan bagi mengurangkan keratan rentas radar serta penggunaan salutan *anechoic* yang berupaya menyerap isyarat radar pihak musuh. Manakala penggunaan jentera utamamotor elektrik yang senyap dan cat penghalang haba suhu tinggi adalah kaedah yang digunakan bagi meminimumkan keberkesanan pengesanan oleh penderia akustik dan *infra red* (IR).

Manakala bagi peperangan di bawah permukaan pula, aspek operasi sistem propulsi dan penggunaan *materiel* bagi meminimumkan penjanaan isyarat akustik (*acoustic*), magnetik (*magnetic*), tekanan (*pressure*), gegaran (*seismic*) oleh periuk api merupakan elemen penting yang perlu diberikan penekanan.



Rajah 1 : Kapal perang - USS Arleigh Burke (atas kiri) oleh Yoruk Işık; USS Fort McHenry (atas kanan); USS James E Williams (bawah kiri); dan USS Zumwalt (bawah kanan) tidak terlepas daripada proses pengaratan.



Rajah 2 : (a)Janaan isyarat IR bagi kapal perang dengan jelas menunjukkan bahagian yang bersuhu tinggi dan (b) Interaksi *Underwater Hull* dengan *propeller* yang berperanan sebagai anod dan katod dengan air laut sebagai elektrolit.

HUBUNGKAIT: KAKISAN DAN *UNDERWATER ELECTRIC POTENTIAL (UEP)*

Perkembangan teknologi periuk api terkini membolehkan isyarat medan elektrik statik yang terhasil daripada tindak balas kakisan di bawah permukaan air dapat dikesan dan dieksploitasi.

Merujuk kepada kawasan *below water line* iaitu di bahagian *underwater hull* dan komponen *shaft* dan *propeller*, terdiri daripada logam yang berbeza justeru mempunyai keupayaan elektrik yang berbeza (Rajah 2 (b)). Melalui perantaraan medium air laut yang berperanan sebagai elektrolit, gandingan ini menghasilkan beza upaya elektrik yang mencetuskan kakisan galvanik. Bahagian yang mengalami kerosakan cat akan berfungsi sebagai anod di mana cenderung untuk berkarat dan mengurai. Berbanding dengan logam untuk komponen *shaft* dan *propeller* yang bersifat lebih elektropositif akan berperanan sebagai katod. Bagi melindungi *hull* daripada tindak balas penguraian, anod korbanan zink, aluminium atau magnesium yang bersifat lebih elektronegatif akan diperkenalkan. Tindak balas elektrokimia kakisan dan gandingan galvanik yang berlaku di bawah air inilah yang akan menghasilkan *underwater electric potential (UEP)*.

EKSPLOITASI *UNDERWATER ELECTRIC POTENTIAL (UEP)*

Kemajuan teknologi penderia masa kini telah meningkatkan lagi keupayaan pengesanan isyarat yang dihasilkan oleh kapal khususnya isyarat UEP yang mampu bergerak jauh di bawah permukaan air. Ia boleh dimanfaatkan oleh musuh bagi mengesan dan pemantauan kapal perang/ kapal selam. Seiring dengan kemajuan perkakasan juga, beberapa perisian simulasi boleh digunakan bagi meramal isyarat UEP kapal. Gabungan teknologi penderia dan simulasi dapat diaplikasi dalam menentukan kedudukan/ lokasi spesifik kapal, geometri dan jenis kapal. Selain untuk tujuan pengesanan dan penentuan lokasi, negara maju telah melaksanakan penyelidikan bagi mengeksploitasi isyarat UEP ini untuk kegunaan telekomunikasi kapal selam.

Dalam senario peperangan maritim, pihak musuh akan sentiasa memantau kapal perang dan kapal selam bagi mendapatkan data-data isyarat akustik, magnetik, tekanan, gegaran, optik dan isyarat *underwater electric potential (UEP)*. Maklumat daripada isyarat-isyarat ini dapat digunakan bagi tujuan pemrograman periuk api pintar generasi baru yang dilengkapi dengan penderia akustik, magnetik, tekanan, gegaran dan juga UEP.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN (MINDEF) KALI KE 40

Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PUSPANITA Cawangan MinDef Kali Ke-40 telah diadakan pada 21 Mac 2023 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan. Tujuan mesyuarat adalah untuk membentangkan laporan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun serta laporan kewangan semasa persatuan.

Majlis Perasmian MAT PUSPANITA MinDef dan pelancaran Info PUSPANITA telah disempurnakan oleh YM Raja Datin Seri Dato' Hjh Salbiah binti Tengku Nujumuddin, Penaung PUSPANITA MinDef manakala MAT ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datin Sri Rafidah binti Latif, Pengerusi PUSPANITA MinDef. Selain itu, turut diadakan penyampaian sumbangan kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan serta sumbangan Ramadan kepada 20 orang ahli PUSPANITA MinDef yang terdiri daripada ibu tunggal dan asnaf yang telah disampaikan oleh Penaung PUSPANITA MinDef.

Pada MAT kali ini Jawatankuasa Kerja PUSPANITA MinDef Sesi 2021 - 2023 telah dibubarkan dengan persetujuan ahli-ahli mesyuarat. Turut diadakan pelantikan Jawatankuasa PUSPANITA MinDef Sesi 2023 – 2025 melalui sistem undian secara atas talian dalam kalangan ahli-ahli mesyuarat yang hadir. Turut diselitkan persembahan dari pelajar dan pensyarah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) seterusnya turut diadakan ceramah wacana ilmu bertajuk Ihya' Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Haryanto Rizal bin Rokman.



MAJLIS TADARUS AL-QURAN PERDANA PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN 1444H



Majlis Tadarus Al-Quran Perdana PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan 1444H telah diadakan pada 31 Mac 2023 bersamaan 9 Ramadhan 1444H bertempat di Dewan Seroja, Kementerian Pertahanan. Program ini merupakan program tahunan bersempena bulan Ramadan dan telah disempurnakan oleh YM Raja Datin Seri Dato' Hjh Salbiah binti Tengku Nujumuddin, Penaung PUSPANITA.

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan merangkap Penasihat PUSPANITA MinDef telah menyampaikan ucapan aluan pada program tersebut. Turut hadir menjayakan majlis ini adalah YBhg. Datin Sri Rafidah binti Latif, Pengerusi PUSPANITA MinDef dan Jawatan Kuasa Tertinggi PUSPANITA MinDef.

Seramai 120 orang peserta telah menyertai program tadarus ini dengan menyempurnakan bacaan 30 Juzuk Al-Quran. Majlis yang bertemakan Al-Quran di Hati telah dipimpin oleh Ustazah Hajah Jamilah binti Abdul Rahman.



BICARA PSIKOLOGI: POSITIF TOKSIK

Artikel oleh: Umi Nor Fadhilah Lulong binti Hariz Joseph,
Cawangan Pengurusan Psikologi, BPSM

Pemikiran dan kognitif yang positif dalam menjalani kehidupan seharian adalah baik untuk kesejahteraan mental individu. Namun begitu, corak pemikiran positif yang keterlaluan akan membawa individu ke arah satu kondisi pemikiran positif yang toksik atau lebih dikenali sebagai “positif toksik”. Positif toksik ditakrifkan sebagai tindakan menolak atau menafikan tekanan, emosi/ kognitif negatif, atau pengalaman negatif lain yang wujud. Ia membawa pemahaman dan satu kepercayaan bahawa tidak kira betapa teruk atau sukarnya sesuatu situasi atau keadaan, seseorang individu harus mengekalkan minda dan pemikiran yang positif.

Contoh situasi yang boleh diberikan untuk mempamerkan sikap “positif toksik” bagi memberi gambaran jelas berkaitan sikap ini termasuklah menegaskan bahawa "semuanya berlaku kerana ada hikmah dan sebab" selepas terjadi sesuatu malapetaka/ kemalangan/ kematian/ perkara yang tidak baik, menyembunyikan emosi atau perasaan yang dirasakan dan mengendakkannya sama sekali serta melabelkan orang yang sentiasa kelihatan positif atau tidak berkongsi emosi mereka sebagai lebih kuat atau lebih disukai berbanding daripada orang lain.

Jadi, bagaimana caranya untuk anda tahu sekiranya anda mempunyai sikap “positif toksik” ataupun sebaliknya? Antara ciri - ciri asas yang dapat dilihat pada diri individu yang mempunyai sikap “positif toksik” termasuklah;

- i) Rasa bersalah apabila mereka marah atau sedih;
- ii) Menolak tepi perasaan orang sekeliling;
- iii) Menyembunyikan emosi yang kurang menyenangkan;
- iv) Kerap kali menggunakan mutiara kata yang positif apabila menghadapi situasi yang sukar;
- v) Kerap mengendahkan dan tidak ambil tahu perihal masalah yang ada; dan
- vi) Memalukan orang lain apabila mereka tidak mempunyai sikap positif.

Positif toksik ini secara umumnya memberi banyak kesan kepada diri seseorang dan orang sekelilingnya. Individu yang positif toksik boleh menyebabkan diri mereka atau orang lain tidak dapat berkongsi emosi yang tulen justeru menyukarkan jalan untuk mereka mendapatkan sokongan tanpa syarat dan menyebabkan individu merasakan perasaan mereka ditolak, diabaikan atau tidak divalidasi oleh mana – mana pihak.

Tambahan lagi, satu semakan naratif 2020 ke atas 29 kajian keganasan rumah tangga mendapati bahawa positif toksik menyebabkan individu mengabaikan situasi yang memudaratkan dan berbahaya yang kerana corak pemikiran positif mungkin menyebabkan orang yang mengalami penderaan memandang rendah kemudahan sesuatu hubungan dan kekal dalam perhubungan tersebut. Positif toksik menghalang dan mengganggu perkembangan seseorang insan kerana ia menafikan keupayaan diri individu untuk menghadapi emosi serta situasi mencabar yang boleh membentuk perkembangan sendiri yang lebih holistik.



Jika anda telah mengenalpasti kewujudan sikap atau tingkah laku positif toksik dalam diri anda, terdapat banyak langkah intervensi yang boleh anda lakukan untuk membangunkan pendekatan dan cara dorongan yang lebih sihat dan efisien. Beberapa idea yang boleh dilakukan termasuklah:

- Menerapkan sikap bahawa "it's okay to not be okay" dan ia bukan satu kesalahan untuk mempunyai perasaan negatif, kerana tidak realistik untuk menjadi seseorang individu kekal positif dan baik sepanjang masa.
- Uruskan emosi negatif anda, tetapi jangan menafikannya.
- Fokus kepada belajar untuk mendengar isu orang lain dan menunjukkan sokongan yang bersesuaian.

— ” —

**The less you
respond to negative
people, the more
powerful your life
will become.**

— ” —

ROBERT E. BAINE, JR.

KARNIVAL SEMARAK AL-QURAN PERINGKAT ATM 2023, MEDIUM PERKASA KEROHANIAN WARGA ATM



Karnival Semarak Al-Quran Peringkat Angkatan Tentera Malaysia Tahun 2023 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai pada 14 Mac 2023 bertempat di Masjid Khalid bin Al-Walid (MKWK) KEMANTAH.

Karnival Semarak Al-Quran turut dibuka untuk kehadiran orang ramai selama empat (4) hari mulai 14 hingga 17 Mac 2023. Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada warga ATM khususnya dan masyarakat kariah setempat amnya tentang kepentingan mempelajari dan membaca Al-Quran di samping menyemarakkan Al-Quran ke dalam diri setiap muslim dengan mengambil pengajaran dan kembali menginsafi serta beriltizam memasang pengharapan yang tinggi kepada Allah S.W.T sebagai perkara utama di dalam kehidupan setiap individu muslim.

Selain itu, karnival ini juga merupakan antara usaha peningkatan dan pemerkasaan kerohanian warga muslim ATM sempena melangkah masuk ke bulan Ramadan melalui pengisian majlis ilmu di samping mempromosikan masjid sebagai wadah penyatuan umat Islam dengan menghidupkan kembali peranannya dengan pelbagai aktiviti keagamaan kerana institusi ini telah terbukti membawa umat Islam ke puncak peradaban teragung pada suatu ketika dahulu. Antara aktiviti yang disediakan adalah Program Al-Quran Bersamad, Program *Tagging & Journaling* Al-Quran, Forum Isu Palestin & Syria, Daurah Kitab, Motivasi al-Quran, Ceramah Kecantikan Muslimah, Klinik Kaunseling Al-Ghazali, Perubatan Islam, Perubatan Bekam, Pemeriksaan Kesihatan, Sukan Memanah, Khidmat Pusat Pungutan Zakat dan banyak lagi.

Antara agensi yang turut serta dalam karnival ini adalah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Muamalat, Koperasi Tentera, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pacu Resources Sdn Bhd, Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat (PPZ), MyFundAction, Aman Palestin, MAPIM, Pujangga Baru, Telaga Biru, dan lain-lain lagi.

Penganjuran Karnival Semarak Al-Quran ini diharapkan dapat melahirkan warga ATM dan masyarakat setempat yang berketerampilan seiring dengan akhlak al-Quran. Pada masa yang sama adalah diharapkan dapat memantapkan fungsi tradisi masjid sebagai *one stop centre* yang bukan sahaja sebagai pusat pembangunan ilmu pengetahuan malah sebagai medium pencetus ummah dalam menyebarkan dakwah Islam serta menarik minat semua lapisan masyarakat untuk berjemaah dan mendekati diri dengan masjid.



RASIONAL LOGO MALAYSIA MADANI

Malaysia Madani merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia Madani bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia Madani menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Jalur

Lima jari dengan jalur merah putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara, asas ideologi Malaysia

Bulatan

Bulatan berwarna biru menandakan kebulatan, muafakat dan perpaduan di kalangan rakyat



MALAYSIA MADANI

Bulan Sabit

Bulan merupakan simbol agama Islam sebagai agama Persekutuan

Bintang

Bintang berbucu 14 menandakan perpaduan di kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan

Warna Biru

Kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan

Warna Merah

Keberanian, jatidiri dan keazaman

Warna Kuning

Nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan

Warna Putih

Keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni

Terbuka kepada orang ramai



JOM DRIVE WITH KT!

10% DISKAUN

+



Percuma cenderahati eksklusif KT!

*Selagi stok masih ada



#RenewJer di KT

- Takaful Kenderaan
- Takaful Am
- Cukai Jalan

*Gambar hanya sekadar ilustrasi sahaja

Untuk maklumat lanjut hubungi Unit Insurans KT di **03 - 4027 2735 / 2675** atau emel **insmotor@katmb.com.my** atau kunjungi cawangan KT berhampiran anda.

Wakil Berdaftar :



03-2303 0000

www.katmb.com.my

facebook.com/KoperasiTentera